

POLITIK WANITA MELAYU

EMANSIPASI DAN KEMERDEKAAN

MUHAMMAD RAHIMI HASAN

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI • 2024

www.ukm.my/penerbit

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2024
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh/ *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
www.ukm.my/penerbit
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota/ *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA/
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA/
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli/ *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh/ *Typeset by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh/ *Printed in Malaysia by*
PEWARIS GEMILANG SDN. BHD.
No. 27G, Jalan Putra 8 Taman Kajang Putra
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-486-242-5

Kandungan

Senarai Singkatan ... 7

Prakata ... 9

BAB 1 Politik Wanita Melayu ... 11

BAB 2 Feminisme dan Nasionalisme ... 25

BAB 3 Hubungan Gender Masyarakat Melayu ... 58

BAB 4 Wanita Melayu dalam Gerakan Nasionalisme ... 83

BAB 5 Emansipasi Wanita Melayu ... 101

BAB 6 Emansipasi dan Kemerdekaan: ‘Seiring, Sejalan’ ... 121

Rujukan ... 125

Indeks ... 139

Prakata

Wanita Melayu merupakan golongan paling aktif dalam politik Tanah Melayu pada era pasca Perang Dunia Kedua, jika dibandingkan dengan golongan wanita kumpulan-kumpulan etnik lain. Perkembangan penglibatan aktif wanita Melayu dalam politik tanah air telah menjadi suatu trend baharu yang mewarnai politik sekitar tahun 1945 hingga 1957. Berdasarkan sudut pandang masyarakat ketika itu, suatu perubahan yang dramatik telah tercetus dalam dunia politik tanah air. Hal ini kerana wanita Melayu yang sebelumnya dikatakan agak pasif, tidak terlalu menonjol di ruang awam dan lebih sesuai berperanan di rumah telah muncul sebagai pemimpin massa, pemidato yang memukau dalam rapat umum, bahkan bertanding dalam pilihan raya umum. Naratif sebegini sering dimainkan, justeru semakin mengukuh dalam kenang-kenangan masyarakat di Malaysia tentang politik wanita Melayu dari tahun 1945 hingga 1957.

Maka, buku ini bertujuan untuk menyelami realiti politik wanita Melayu (1945-1957) yang mempunyai motif tersirat dan terpendam, sekali gus menawarkan naratif yang lebih meluas mengenai peribadi politik wanita Melayu iaitu emansipasi wanita dan kemerdekaan tanah air. Hasil karya ini adalah berdasarkan kajian peringkat sarjana di Program Sains Politik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Keterujaan penulis terhadap politik wanita Melayu ini adalah untuk menyingkap suatu dimensi yang kurang sekali diperhatikan melalui suatu sumber yang juga kurang diberikan kedudukan sewajarnya iaitu genre memoir. Jadi, melalui karya ini, penulis berhasrat untuk berkongsi analisis penyelidikan tersebut dalam bentuk yang lebih rapi dan dekat dengan audiens, bukan sahaja daripada kalangan akademik, bahkan masyarakat awam.

Meskipun karya-karya asal memoir oleh tokoh-tokoh politik wanita ini telah berusia berdekad-dekad, penulis berpendapat dan yakin bahawa keadaan kini, sama ada kemajuan atau kemunduran wanita dalam dunia politik perlu diusut akarnya. Akarnya ialah politik wanita Melayu yang boleh memberikan pedoman buat para ahli akademik untuk menghasilkan karya yang bersifat teoritis, dalam erti kata berteori mengikut acuan watan, bahkan kepada ahli politik wanita sendiri, serta para penggubal

dasar. Penulis mengakui bahawa realiti masa kini sudah tidak sepersis apa yang diperihalkan dalam buku ini.

Namun, persoalan-persoalan pokok wanita dalam politik—seperti (1) sistem sokongan sosial dalam keluarga dan komuniti; (2) prejudis terhadap keupayaan wanita; (3) isu keselamatan wanita seperti gangguan seksual dan keganasan rumah tangga; (4) stereotaip, prejudis dan diskriminasi oleh pemimpin-pemimpin dalam organisasi politik; (5) dasar awam yang tidak mesra wanita; (6) pemanfaatan wanita untuk mencapai agenda politik tetapi kemudiannya dipinggirkan—yang berlaku dahulu masih lagi berterusan sehingga kini.

Maka, dengan kesedaran itu, kita perlu merenung kembali apakah kemajuan yang sebenarnya telah dicapai untuk wanita dalam politik? Adakah wanita sedang maju atau mundur? Atau adakah kita masih di takuk lama? Persoalan-persoalan tersebut boleh dijawab oleh para pembaca setelah membandingkan keadaan dahulu—seperti dibincangkan dalam karya ini—dan keadaan masa sekarang. Oleh sebab itulah karya ini dihadirkan ke tangan pembaca sekalian. Agar ia menjadi suatu peluasan sudut pandang terhadap politik wanita Melayu dan perbandingan-penilaian tentang kedudukan kita pada masa sekarang.

Di kesempatan ini, penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Prof. Dr. Sity Daud selaku penyelia tesis sarjana yang telah membimbing penulis. Ucapan berbilang terima kasih dan penghargaan juga buat Prof. Madya Dr. Muhamad Takiyuddin Ismail sebagai penilai tesis sarjana yang memberikan keyakinan bahawa karya ini layak diterbitkan. Akhirnya, terima kasih kepada pihak Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia atas Dana Penerbitan Buku (DPB) 2024 (Kod: DPB-2024-043) yang menjadikan karya ini berjaya dibukukan daripada sebuah tesis sarjana. Semoga ia bermanfaat untuk semua.

Muhammad Rahimi Hasan